

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2002/2003**

Februari/Mac 2003

RQK 354 – Amalan Profesional Ukur Bahan

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **LIMA** soalan sahaja.

1. (a) “Akta Juruukur Bahan 1967 memainkan peranan yang amat penting dari sudut taraf atau status seorang Juruukur Bahan terutama sekali aspek ‘professionalism’ ”.

Bincangkan dan kaitkan bagaimana Akta ini menjamin status professional dan masa depan seorang Juruukur Bahan.

- (b) Akta tersebut telahpun melalui beberapa pindaan yang telah mendapat kelulusan diRaja (Royal assent) pada bulan Julai 2002. Jelaskan tentang pindaan-pindaan terbaru itu dan nyatakan implikasinya terhadap bidang Ukur Bahan di Malaysia.

(20 markah)

2. (a) “Penghayatan tata etika amat penting untuk sesuatu profession demi penerampilan mutu perkhidmatan yang terunggul”.

Bincangkan ungkapan di atas dengan mengenalpasti jenis-jenis tatalaku atau kaedah etika yang perlu wujud untuk seseorang Juruukur Bahan yang berkesan lagi prihatin.

- (b) Kaitkan kehendak kelakuan beretika dengan konsep “Best Practice”.
- (c) Secara ringkas, bincangkan kenapa seorang Juruukur Bahan berdaftar tidak dibenarkan mengiklan secara terbuka perkhidmatan-perkhidmatan firmannya.

(20 markah)

...2/-

- 2 -

3. (a) “Amalan Professional bidang Ukur Bahan dianggap lebih selesa jika dibandingkan dengan bidang-bidang lain seperti Senibina atau Kejuruteraan”.

Bincangkan ungkapan di atas serta jelaskan kaitannya dengan perkhidmatan asas dan khusus didalam bidang Ukur Bahan, bayaran khusus terhadapnya, peranan dan risiko serta tanggungjawab seorang Juruukur Bahan dengan pakar runding binaan yang lain.

- (b) Jelaskan bagaimana pengaruh Teknologi Maklumat (IT) boleh menghasilkan pendekatan baru dari sudut pengurusan sesebuah firma (practice management).
- (c) Nyatakan suatu rangka – struktur firma yang moden dan canggih yang berteraskan falsafah “cells and networks”.

(20 markah)

4. (a) Senarai Bahan (Bills Quantities) merupakan dokumen yang penting dalam konteks pengurusan kewangan; nyatakan dengan jelas fungsi, tujuan dan peranan BQ sebagai dokumen kawalan kos dan kelemahan-kelemahannya.

- (b) Jelaskan tentang dua alternatif dokumen tender yang lain daripada BQ serta nyatakan kelebihan-kelebihan alternatif tersebut.
- (c) Ulaskan tentang perbezaan di antara ‘Quantity Surveying’ dan ‘Cost Engineering’.

(20 markah)

5. (a) Antara perkhidmatan yang terpenting untuk seorang Juruukur Bahan adalah pemberi nasihat ditahap tender dan penyediaan kontrak. Jelaskan tentang tiga sudut pengkhususan yang harus wujud didalam fasa tender dan kontrak dan nyatakan strategi-strategi kontrak yang harus dipertimbangkan serta prioriti-prioriti klien semasa melaksanakannya.

- (b) Dengan menggunakan carta aliran, jelaskan tentang prosedur yang lengkap bersabit dengan proses pemanggilan, penerimaan serta laporan tender. Andaikan anda terlibat dengan suatu projek Kuarters Pihak Bomba yang bernilai RM40 juta.

- (c) Dengan ringkas, jelaskan prosedur/pendekatan didalam penyediaan Penilaian bulanan/interim.

(20 markah)

... 3/-

- 3 -

6. (a) Pada tahun 2001, pihak RICS melancarkan identiti korporat yang baru; jelaskan tentang falsafah disebalik pembentukan identiti yang baru ini dan huraikan tentang "brand values" yang dipegang oleh pihak RICS.
- (b) Bincangkan tentang mustahaknya diwujudkan suatu identiti korporat dan logo untuk sesuatu firma Ukur Bahan.
- (c) Dengan ringkas, nyatakan kaitan di antara penyediaan 'Variation Orders' serta penyediaan 'Final Account'.

(20 markah)

-ooo0ooo-

